



Syarahahan Umum Profesor Adjung

Y.B. Senator Tan Sri Datuk (Dr) Haji Jins Shamsudin

Universiti Malaysia Perlis telah menganjurkan Syarahahan Umum Profesor Adjung yang menampilkan Y. B. Senator Tan Sri Datuk (Dr) Haji Jins Shamsudin, seorang tokoh perfileman dan karyawan yang tidak asing lagi di Malaysia. Program ini dianjurkan bersama oleh Unit Pembangunan Lestari dengan kerjasama Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan pada 14 Januari 2010, bertempat di Dewan Keikhlasan. Syarahahan ini diadakan sempena berlangsungnya Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke-7 (FFVPM7) yang mana UniMAP telah dipilih menjadi tuan rumah bagi festival berkenaan.

Syarahahan beliau yang bertajuk 'Filem dan Industri Kreatif' banyak mengupas isu dan persoalan seni dan hiburan tanahair. Di samping kepentingan bidang seni kepada kehidupan manusia, beliau juga turut berbangga apabila semakin banyak IPTA

menawarkan program pengajian seni bagi mempelbagaikan bidang pekerjaan kerana bidang seni juga boleh memberikan pulangan lumayan jika diceburi secara serius dan profesional. Seni bukan setakat nyanyian dan lagu sahaja, tetapi turut menyediakan prospek pembangunan kerjaya sama ada di belakang tadbir atau sebagai penggiat seni/aktivis seni.

Beliau yang juga Senator di Dewan Negara, turut memuji langkah proaktif UniMAP yang turut menjadikan seni sebagai salah satu aktiviti bagi staf dan pelajar. Menurutnya lagi, aspek kejuruteraan iaitu teknologi perfileman juga menjadi semakin penting dalam sesuatu pembikinan filem dan drama, persembahan pentas, nyanyian, sistem bunyi, pengarahannya, suntingan, rakaman, multimedia, audio visual dan peralatan.